

Bahasa Melayu Tahun 6
Unit 23 : Pencinta Alam

➔ Murid-murid, sila lengkapkan petikan di bawah dengan penjodoh bilangan yang sesuai.



Amar, Izuni, Imran dan Iffah serta Cikgu Syafik menyediakan bahan untuk menghasilkan lampu tanpa elektrik. Bahan tersebut ialah 1) _____ cecair peluntur, 2) _____ zink, sebilah pahat, 3) _____ gunting zink, gam tar, dan botol plastic kosong.

Cikgu Syafik menebuk lubang pada 4) _____ atap dengan menggunakan sebilah gunting dan 5) _____ pahat. 6) _____ kucing kesayangan datuk sentiasa menemaninya.

Cikgu Syafik berdiri di tepi sebuah meja. Beliau memasukkan air ke dalam botol yang kosong. Botol itu dimasukkan ke lubang zink yang dipotong itu.

Selepas itu, Cikgu Syafik memasang bumbung itu pada 7) _____ bangsal yang terletak di bawah 8) _____ pokok yang rendah di 9) _____ dusun. Bangsal itu menjadi cerah. Botol itu menjadi 10) _____ lampu. Ammar, Izuni dan Iffah berasa amat gembira kerana berjaya membantu Cikgu Syafik membuat lampu tanpa elektrik.